




Siti Huraizah sentiasa membuktikan OKU sepertinya boleh melakukan apa sahaja perkara dengan sempurna.



Siti Huraizah (kiri) bersama rakan.

## Majikan perlu yakin kebolehan pekerja wanita OKU

• Ramai sudah buktikan kemahiran dalam pelbagai bidang

Oleh Nor Hatina Shuib  
hatina@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**K**ebanyaknya majikan masih berfikiran sempit dengan menganggap golongan kurang upaya (OKU), tidak mampu menjadi pekerja yang baik dalam sektor pekerjaan di negara ini.

Senario itu merugikan sumber tenaga kerja kerana sebilangan mereka mempunyai kemahiran, kelekapan dan ilmu dalam bidang terbabit termasuk sektor

Golongan OKU kini sudah memiliki kelekapan dalam bidang seperti teknologi, sains sosial, motivasi, linguistik dan kemahiran seni, sekiranya digilap boleh menyumbangkan pulangan ter-

baik kepada majikan.

Esekutif Kanan Aksesibiliti Dan Advokasi Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB), Siti Huraizah Roslan, berkata majikan sepatutnya membuat perasan simpati pada OKU sehingga membataskan mereka untuk mengambil golongan itu bekerja.

Beliau yang juga caca penglihatan, berkata perasan simpati berkenaan akan menyekat peluang mereka menonjolkan diri dan kemahiran dalam dunia pekerjaan.

"Cabaran itu perlu ditempuhi pekerja wanita OKU apabila mereka terlalu mendapat simpati majikan dan rakan sekerja membuatkan kebolehan OKU untuk melakukan tugas tanpa dapat ditonjolkan secara maksimum."

"Kekangan ini menyukarkan komuniti caca penglihatan dilihat sebagai pekerja serba boleh dalam melaksanakan tugas."

"Rasa simpati berlebihan hanya membataskan keupayaan dan peluang kami menyumbang kepada syarikat," katanya kepada BH.

Siti Huraizah, berkata majikan perlu lebih terbuka kepada golongan ini dan menganggap mereka sama seperti pekerja lain.

Katanya, beliau melihat peruba-

han memang majikan yang membuka peluang kepada komuniti OKU sama ada di sektor swasta mahupun awam.

"Tetapi jumlahnya masih kecil. Oleh itu majikan perlu memainkan peranan itu bagi meningkatkan jumlah penyerataan wanita OKU khususnya sebagai pekerja"

katanya.

Majikan sepatutnya membuatkan

terus stigma bakat dan kemahiran

beberapa golongan itu adalah terhad

disebabkan kecacatan mereka.

**Sedia infrastruktur lengkap**  
Pemilik Ijazah Sarjana Muda (Kejurian) Teknologi Kreatif dan Artistik Universiti Teknologi MARA (UiTM) itu berkata, majikan boleh menunjukkan keprihatinan menerusi penyediaan infrastruktur lengkap dan sesuai untuk pekerja dalam kalangan OKU supaya memudahkan tugas dijalankan.

"Majoriti OKU yang caca penglihatan, umumnya menggunakan perisian pembaca skrin jenis Job Access With Speech (JAWS).

"Jadi, penyediaan komputer lengkap dengan perisian terkini lebih bermakna kepada kami berbanding simpati."

Teknologi ini membantu OKU

**Cabarani itu perlu ditempuhi pekerja wanita OKU**  
apabila mereka terlalu mendapat simpati majikan dan rakan sekerja membuatkan kebolehan OKU untuk melakukan tugas tidak dapat ditonjolkan secara maksimum"

**Siti Huraizah Roslan,**  
Esekutif Kanan Aksesibiliti  
Dan Advokasi Persatuan  
Bagi Orang Buta Malaysia  
(MAB)

melakukan apa saja tugas dengan mudah dan tepat sekali guna menonjolkan potensi diri sebenar sebagai pekerja," katanya.

**OKU perlu tonjol bakat**

Pada masa sama, OKU wanita yang caca penglihatan sepatutnya merbut peluang untuk menjadi sebahagian tenaga kerja di negara ini.

Siti Huraizah berkata, golongan OKU patut diberi peluang dalam sektor pekerjaan supaya dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan wanita normal lain.

"Saya bertuah kerana bekerja dengan majikan yang sentiasa mencabar kebolehan diri untuk melakukan apa saja tugas wanita normal lainnya.

"Cabaran itu membuatkan saya sentiasa mahu menjadi wanita berdaya saing, yakin diri dan kreatif dalam menyelesaikan tugas yang diberi lebih sempurna daripada pekerja lain lakukan," katanya.

Siti Huraizah berkata, beliau ma-

nu semua wanita OKU patut membuat perasan rendah diri dalam dunia kerja dan sentiasa meningkatkan kemahiran serta pengetahuan dalam pelbagai bidang terutama teknologi.